



MODUL I

KESEDARAN DAN PENCEGAHAN

PENDERAAN SEKSUAL

(KANAK-KANAK & REMAJA)

DI MALAYSIA



Unit Pencegahan Keganasan dan Kecederaan
Sektor MeSVIPP
Bahagian Kawalan Penyakit
Kementerian Kesihatan Malaysia

MODUL I

KESEDARAN DAN PENCEGAHAN PENDERAAN SEKSUAL (KANAK-KANAK & REMAJA) DI MALAYSIA



Unit Pencegahan Keganasan dan Kecederaan,
Sektor MeSVIPP
Bahagian Kawalan Penyakit
Kementerian Kesihatan Malaysia

Kementerian Kesihatan Malaysia 2021

Hak Cipta Terpelihara. Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukar dalam apa jua bentuk atau alat mekanikal atau elektronik kecuali setelah mendapat kebenaran daripada penerbit.

Edisi Pertama 2021

Diterbit, dicetak dan diedarkan oleh :
Unit Pencegahan Keganasan dan Kecederaan
Sektor MESVIPP
Bahagian Kawalan Penyakit
Kementerian Kesihatan Malaysia
Aras 2, Blok E3, Kompleks E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62590 Putrajaya
Tel : 03-8892 4552 Faks : 03-8892 4526
Laman Web : [http: //www.moh.gov.my](http://www.moh.gov.my)

ISBN 978-967-26441-0-1



SIDANG PENGARANG

PENASIHAT

Dr. Nurashikin binti Ibrahim

Pakar Perubatan Kesihatan Awam

Ketua Sektor

Kesihatan Mental, Pencegahan Keganasan & Kecederaan dan Penyalahgunaan Substans
(MeSVIPP)

KETUA EDITOR

Dr. Noor Raihan binti Khamal

Pakar Perubatan Kesihatan Awam

Ketua Unit

Unit Pencegahan Keganasan dan Kecederaan (VIP)

Sektor Kesihatan Mental, Pencegahan Keganasan & Kecederaan dan Penyalahgunaan Substans
(MeSVIPP)

URUSETIA

Encik Mohd Faizol bin Yunus

Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran

Unit Pencegahan Keganasan dan Kecederaan(VIP)

Sektor Kesihatan Mental, Pencegahan Keganasan & Kecederaan dan Penyalahgunaan Substans
(MeSVIPP)

Puan Nurulhafiza binti Omar

Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran

Unit Pencegahan Keganasan dan Kecederaan (VIP)

Sektor Kesihatan Mental, Pencegahan Keganasan & Kecederaan dan Penyalahgunaan Substans
(MeSVIPP)

Puan Aifaa Ayla binti Aminudin

Pegawai Psikologi (Kaunseling)

Unit Pencegahan Keganasan dan Kecederaan (VIP)

Sektor Kesihatan Mental, Pencegahan Keganasan & Kecederaan dan Penyalahgunaan Substans
(MeSVIPP)

Cik Wan Malini binti Wan Manan

Pembantu Tadbir (P/O)

Unit Pencegahan Keganasan dan Kecederaan (VIP)

Sektor Kesihatan Mental, Pencegahan Keganasan & Kecederaan dan Penyalahgunaan Substans
(MeSVIPP)

PENGHARGAAN

Kementerian Kesihatan Malaysia mengucapkan terima kasih kepada pegawai-pegawai berikut yang telah memberi sumbangan dalam menghasilkan **Modul I Kesedaran dan Pencegahan Penderaan Seksual (Kanak-Kanak & Remaja) di Malaysia**.

(Susunan nama mengikut abjad)

1. Encik Ahmad Ibrahim bin Kamal

Pegawai Psikologi
Hospital Kuala Lumpur

2. Cik Dayana Afiqah binti Din Arif

Program Sains Forensik
Pusat Pengajian Sains Kesihatan, USM
Kampus Kesihatan, Kubang Kerian, Kelantan

3. Prof Madya Dr. Geshina Ayu Mat Saat

Pakar Kriminologi & Psikologi
Program Sains Forensik
Pusat Pengajian Sains Kesihatan, USM
Kampus Kesihatan, Kubang Kerian, Kelantan

4. Puan Kogilavaani Elawarise

Pegawai Psikologi
Jabatan Siasatan Jenayah-D11
Polis Diraja Malaysia, Bukit Aman

5. Encik Mohd Sahrman bin Ariffin

Pegawai Kerja Sosial Perubatan
Klinik Kesihatan Kuala Lumpur

6. Dr. Nazrila Hairin binti Nasir

Pakar Perubatan Keluarga
Klinik Kesihatan Sungai Chua,
Hulu Langat, Selangor

7. Puan Nor Azlina binti Mohamad Yasin

Pegawai Psikologi
Jabatan Kesihatan Negeri Terengganu

8. Puan Nur Hidayah binti Dzulkapri

Penolong Pegawai Pembangunan Masyarakat
Jabatan Kebajikan Masyarakat

9. Datin Dr. Rosnani binti Kasim

Pakar Perubatan Keluarga
Klinik Kesihatan Bachok, Kelantan

10. Puan Ruslina binti Razali

Pegawai Psikologi
Hospital Banting

11. Encik Syed Azmi Alhabshi

Aktivis Sosial dan NGO

12. Encik Wan Mohd Afendi bin Wan Mahadi

Pegawai Psikologi
Jabatan Kesihatan Negeri Kelantan

SKEMA PENGAJARAN

MODUL I : KESEDARAN DAN PENCEGAHAN PENDERAAN SEKSUAL (KANAK- KANAK & REMAJA) DI MALAYSIA

Bil.	Perkara	Masa	Kaedah	Penceramah yang dicadangkan
1	Pengenalan kepada penderaan dan pengabaian kanak-kanak 1.0 Objektif 1.1 Definasi Terma 1.2 Jenis-jenis Penderaan Seksual	1 Jam	Ceramah	Pakar Perubatan Kesihatan Awam
2	Hak-hak Kanak-kanak dan Remaja / CRC			
3	Faktor-Faktor yang Menyumbang kepada Penderaan dan Pengabaian Kanak-Kanak			
4	Statistik			
5	Pembentukan Gaya Cara Hidup dan Pengantunan (<i>Sexual Grooming</i>)	2 Jam	Ceramah Amali	Pakar Undang-undang/Pegawai PDRM (D11)
6	Perwatakan Mangsa			
7	Kesan-kesan dan Indikator Penderaan Kanak-kanak	1 Jam	Ceramah	Pakar Perubatan Keluarga (FMS)
8	Ekspresi Mangsa Keganasan Seksual Kanak-kanak melalui Lukisan	1 ½ Jam	Amali	Pegawai Psikologi Kaunseling
9	Langkah Pencegahan	1 ½ Jam	Ceramah	Pegawai JKM/NGO berkaitan
10	Peranan Agensi Terlibat			
11	Rujukan Perundangan			

KANDUNGAN

PENGENALAN KEPADA PENDERAAN DAN PENGABAIAAN KANAK-KANAK	1
1.0 OBJEKTIF	2
Objektif Am	2
Objektif Khusus	2
1.1 DEFINISI TERMA.....	2
Definisi Kanak-kanak	2
Definisi Remaja	3
Definisi Pemangsa	3
Definisi Penderaan	5
Definisi Pengantunan (Grooming Process)	7
Definisi Kemudaratan (Harm)	9
1.2 JENIS-JENIS PENDERAAN SEKSUAL	9
2.0 HAK-HAK KANAK-KANAK DAN REMAJA / CRC.....	10
2.1 Hak Kanak-Kanak	10
2.2 Hak Remaja	10
2.3 CRC	10
2.4 Hak kanak-kanak: Lima Prinsip Asas	10
2.5 Empat Kategori Asas Hak Kanak-Kanak.....	10
3.0 FAKTOR-FAKTOR YANG MENYUMBANG KEPADA PENDERAAN DAN PENGABAIAAN KANAK-KANAK	11
3.1 Faktor ibu bapa	11
3.2 Situasi keluarga	11
3.3 Faktor kanak-kanak	11
3.4 Faktor masyarakat	11
3.5 Faktor budaya.....	12
4.0 STATISTIK	12
5.0 PEMBENTUKAN CARA GAYA HIDUP DAN PENGANTUNAN (SEXUAL GROOMING)	12
5.1 Definisi “Grooming Process”	12
5.2 Proses Pembentukan Cara Gaya Hidup Dan Pengantunan (Sexual Grooming)	12
5.3 Elemen Pengantunan	16
5.4 Contoh-Contoh Ugutan & Manipulasi Pelaku Seks Kepada Kanak-kanak	17
6.0 PERWATAKAN PEMANGSA	17
6.1 Pencetus Kelakuan Rogol	17
6.2 Hasil Dapatan Kajian Delikuensi	18
6.3 Ciri - Ciri Penjenayah Seksual	18
6.4 Sasaran Pelaku Seks	19
6.5 Isu Terkini	19
7.0 KESAN-KESAN DAN INDIKATOR PENDERAAN KANAK-KANAK	23
7.1 Ciri-ciri Kanak-kanak	23

7.2 Ciri-ciri Ibu Bapa	23
7.3 Indikator Penderaan Fizikal	23
7.4 Indikator Penderaan Seksual	24
7.5 Indikator Pengabaian Kanak-Kanak	24
7.6 Indikator Penderaan Emosi	25
7.7 Tanda-tanda penderaan seksual (Kanak-kanak)	25
7.8 Tanda-tanda penderaan seksual dari segi fizikal (Kanak-kanak)	25
7.9 Tanda-tanda penderaan seksual dari segi tingkah laku (Kanak-kanak)	25
7.10 Tanda-tanda penderaan seksual dari segi tingkah laku (Remaja)	26
7.11 Bagaimana emosi kanak-kanak mangsa penderaan seksual?	26
8.0 Langkah Pencegahan.....	27
9.0 Peranan Agensi Terlibat	27
10.0 RUJUKAN PERUNDANGAN.....	28
Rujukan.....	29
Lampiran 1: Slaid Modul I: Kesedaran dan Pencegahan Penderaan Seksual (Kanak-Kanak & Remaja) Di Malaysia.....	32
Lampiran 2: Soalan Pre & Post Modul I: Kesedaran dan Pencegahan Penderaan Seksual (Kanak-Kanak & Remaja) Di Malaysia.....	72

PENGENALAN KEPADA PENDERAAN DAN PENGABAIAAN KANAK-KANAK

Penderaan dan pengabaian telah dipastikan sebagai salah satu masalah serius yang dihadapi oleh kanak-kanak dan remaja di Malaysia. Dalam beberapa tahun kebelakangan ini, lebih daripada 3,800 orang kanak-kanak telah dilaporkan setiap tahun sebagai didera kepada Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) (14 Disember 2020). Ini bererti sekurang-kurangnya sepuluh kanak-kanak dilaporkan sebagai mangsa dera setiap hari sepanjang tahun 2020. Kanak-kanak ini mungkin didera ataupun diabaikan oleh guru, penjaga, ibubapa, pengasuh atau lain-lain individu yang sepatutnya bertanggungjawab menjaga dan memberikan mereka perlindungan (KPWKM, 14 Disember 2020).

Menurut beberapa penyelidik (Geshina, 2015; Noor, 2015; Norsaleha, et. al., 2018; Hashim, Yusof & Kusrin, 2019), ciri-ciri yang membezakan di antara kanak-kanak daripada orang dewasa ialah mereka:

- Dalam proses perkembangan dari segi fizikal, mental, intelek, sosial dan emosi.
- Bergantung harap kepada orang dewasa dan '*vulnerable*'.
- Kurang mampu membela diri daripada menjadi mangsa jenayah.
- Belum matang pemikirannya mengenai tindakan salah dan tindakan betul.
- Merupakan pilihan sasaran sesetengah pemangsa.

Oleh itu, sebarang penderaan atau pengabaian yang kronik boleh merencatkan kesejahteraan dan perkembangan kanak-kanak tersebut. Penderaan yang berterusan boleh menyebabkan kanak-kanak tersebut menghadapi masalah-masalah berikut (Geshina, 2015; Longden & Read, 2016; Zeanah & Humphreys, 2018; Hashim, Yusof & Kusrin, 2019):

- Kurang keyakinan diri.
- Masalah dalam pembelajaran.
- Kesukaran dalam menjalani hubungan yang positif.
- Bersifat bermusuhan-musuhan.
- Kesukaran mendapat kerja.
- Kurang kemahiran keibubapaan.
- Mencederakan diri sendiri (termasuk bunuh diri).
- Menyambung kitaran penderaan sebagai pelaku atau terus menjadi mangsa.
- Konflik dengan autoriti atau undang-undang.
- Kecelaruhan mental.
- Trauma.
- Cacat kekal.

Justeru, adalah menjadi tanggungjawab semua pihak termasuk anggota kesihatan, kaunselor, ibu bapa dan komuniti untuk memastikan kanak-kanak dan remaja menerima perhatian, sokongan dan perkhidmatan untuk meningkatkan kesihatan dan perkembangan kanak-kanak secara menyeluruh. Adalah penting bagi kanak-kanak dan remaja mempunyai persekitaran yang kondusif dan selamat bagi menjamin kehidupan yang sejahtera.

1.0 OBJEKTIF

Modul latihan ini mempunyai tiga (3) objektif am dan enam (6) objektif khusus.

Objektif Am (Slaid 2)

1. Memberi kesedaran penderaan seksual kanak-kanak dan remaja kepada anggota kesihatan, kaunselor, ibu bapa dan komuniti.
2. Mengenalpasti cara-cara pencegahan penderaan seksual kanak-kanak dan remaja kepada anggota kesihatan, kaunselor, ibu bapa dan komuniti.
3. Memberi kemahiran untuk mengendalikan kes-kes penderaan seksual kanak-kanak dan remaja mengikut peranan masing-masing.

Objektif Khusus (Slaid 3)

1. Memahami definisi, dan skop penderaan seksual (kanak-kanak & remaja).
2. Memberi pengetahuan dan kefahaman kepada peserta berkenaan Proses Pengantunan (*Grooming Proses*) – Pembangunan & pengekalan cara gaya hidup psikososial pro-seks sasaran/ mangsa oleh pemangsa.
3. Memberi kemahiran untuk mengenali tanda-tanda penderaan.
4. Mengenalpasti langkah pencegahan dan tindakan bantuan yang boleh dilakukan.
5. Memberi pengetahuan berkenaan akta-akta yang berkaitan.
6. Memberi pendedahan peranan agensi-agensi terlibat.

NOTA: Slaid 4-6 adalah peringatan

1.1 DEFINISI TERMA (Slaid 7)

Bahagian ini menghuraikan definisi beberapa terma yang relevan. Terma-terma ini dibahagikan mengikut:

1. Individu yang terlibat dalam penderaan, iaitu a) kanak-kanak, b) remaja, dan c) pemangsa.
2. Skop penderaan, yang merangkumi a) aktiviti penderaan, b) pengantunan (grooming process), dan c) kemudaratan.

Definisi kanak-kanak (Slaid 8)

Definisi kanak-kanak yang digunapakai adalah mengikut Akta Kanak-Kanak 2001 (Akta 611) iaitu seseorang yang di bawah umur lapan belas tahun. Definisi ini juga digunapakai oleh Konvensyen mengenai Hak Kanak-kanak (1989).

Definisi Remaja (Slaid 8)

Menurut World Health Organisation (WHO) (2021) masa remaja bermula dengan bermulanya akil baligh secara fisiologi, dan berakhir apabila identiti dan tingkah laku orang dewasa diterima. Tempoh perkembangan ini antara umur 10 hingga 19 tahun. Dasar Kesihatan Remaja Negara (Kementerian Kesihatan Malaysia, 2001) menyatakan had umur yang sama.

Definisi Pemangsa (Slaid 8)

Terdapat pelbagai definisi pemangsa, mengikut seksyen dalam akta tertentu, dan jenis jenayah.

A. Menurut Perundangan

Kanun Keseksaan Malaysia (Akta 574) ialah suatu akta yang digubal bagi membolehkan seseorang ini diseksa atas kesabitan jenayah. Kanun ini diguna pakai dalam dua konteks:-

- *Seksaan bagi kesalahan yang dilakukan dalam Malaysia.*
Tiap tiap orang bolehlah dikenakan seksaan di bawah Kanun ini dan tidak di bawah mana-mana undang-undang lain bagi tiap-tiap perbuatan atau ketinggalan yang berlawanan dengan peruntukannya yang dilakukannya di dalam Malaysia.
- *Seksaan bagi kesalahan yang dilakukan di luar Malaysia tetapi boleh di sisi undang-undang dibicarakan di dalam Malaysia*
Seseorang yang di sisi undang-undang kena dibicarakan kerana suatu kesalahan yang dilakukan di luar Malaysia hendaklah dibicarakan menurut peruntukan Kanun ini kerana apa-apa perbuatan yang dilakukan di luar Malaysia sama seolah-olah perbuatan itu dilakukan dalam Malaysia.

Terma 'pemangsa' tidak ada dalam Akta Kanak-kanak 2001 (Akta 611), namun Seksyen 2, Akta 611 menghuraikan terma-terma lain yang berhubungkait dengan pemangsa seperti:

- "anggota keluarga" termasuklah ibu atau bapa atau penjaga, atau seseorang anggota keluarga luas, yang merupakan seorang anggota rumah
- "anggota rumah" ertinya seseorang yang pada lazimnya tinggal serumah dengan seorang kanak-kanak
- "ibu atau bapa peliharaan" ertinya seseorang, yang bukan ibu atau bapa atau saudara seseorang kanak-kanak— (a) yang kepadanya pemeliharaan, jagaan dan kawalan seseorang kanak-kanak telah diberikan oleh perintah Mahkamah di bawah perenggan 30(1)(e); atau (b) yang dibenarkan oleh Pelindung di bawah seksyen 35 atau 37, mengikut mana-mana yang berkenaan, untuk menerima seseorang kanak-kanak ke dalam pemeliharaan, jagaan dan kawalannya

- “keluarga luas”, berhubung dengan seseorang, ertinya orang yang mempunyai hubungan persaudaraan melalui pertalian darah, persemendaan atau pengangkatan dengan orang itu
- “pengasuh kanak-kanak” ertinya seseorang yang mengasuh seorang kanak-kanak atau lebih bagi balasan berharga bagi apa-apa tempoh masa
- “penjaga”, berhubung dengan seseorang kanak-kanak, termasuklah mana-mana orang yang, pada pendapat Mahkamah Bagi Kanak-Kanak yang mengambil perhatian tentang apa-apa kes yang berhubungan dengan kanak-kanak itu atau yang melibatkan kanak-kanak itu, sedang mempunyai penjagaan atau kawalan ke atas kanak-kanak itu

B. Menurut jenis jenayah

Dalam konteks jenayah, pendera merupakan seseorang yang memperlakukan orang lain dengan cara yang kejam, ganas, atau tidak adil, contohnya pendera kanak-kanak dan pelanggar hak asasi manusia.

Pesalah, juga dikenali sebagai penjenayah. Adalah orang yang telah melakukan jenayah dan disabitkan kesalahan. Apa yang dimaksudkan suatu jenayah bergantung kepada bidang kuasa undang-undang.

Penjenayah merupakan individu yang telah dijatuhkan hukuman undang-undang atas kesalahan yang telah dilakukan. Individu ini sama ada akan atau sedang menjalani hukuman seperti yang dinyatakan dalam akta yang berkaitan. Lazimnya, ini bererti individu yang terbabit sedang menjalani seksaan penjara, sebatan, denda, khidmat masyarakat atau mana-mana gabungan hukuman ini.

Juvana merupakan terma khusus yang diberi kepada individu di bawah umur 18 tahun, yang melanggar atau berkonflik dengan undang-undang.

Pemangsa seksual adalah seorang yang dilihat sebagai mendapatkan atau cuba untuk mendapatkan hubungan seks dengan orang lain dengan cara deraan atau metafora "pemangsa". Sama dengan cara pemangsa haiwan memburu mangsanya, pemangsa seksual dianggap "memburu" pasangan seks mereka. Orang yang melakukan jenayah seks, seperti rogol atau penderaan seksual kanak-kanak; biasanya dirujuk sebagai pemangsa seksual.

Pedofil adalah orang dewasa atau remaja yang lebih tua, mengalami tarikan seksual ketara atau eksklusif untuk kanak-kanak yang belum atau baru baligh, atau awal usia kedewasaan (American Psychiatric Association, 2013).

Definasi Penderaan (Slaid 9 – Slaid 13)

Akta kanak-kanak 2001 (Akta 611) dan Akta Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-kanak 2017 (Akta 792) menggariskan enam kategori penderaan, iaitu penderaan fizikal, penderaan seksual, penderaan emosi, pengabaian, penganiayaan, dan eksploitasi.

A. Penderaan Fizikal

Penderaan fizikal adalah kecederaan yang dilakukan oleh pendera dan bukan disebabkan oleh kemalangan kanak-kanak. Ini termasuklah:

- Kecederaan badan seperti dibelasah dengan teruk, lebam, luka, bengkak, kesan terbakar, patah tulang, terseliuh, lemas, mencekik, menggoncang, memberi ubat, dadah atau alkohol. Penderaan boleh juga berlaku secara tidak sengaja seperti memukul dengan teruk untuk tujuan mendisiplinkan anak atau menggoncangkan bayi kerana penjaga gagal menahan sabar anak yang menangis berterusan.
- Munchausen syndrome by proxy (*factitious illness by proxy*).
- Kerencatan tumbesaran dan bantut bukan disebabkan masalah organik (*failure to thrive due to non-organic cause*).

B. Penderaan seksual

Berlaku apabila seorang dewasa memaksa / mengugut (*coerce*) seseorang kanak-kanak atau remaja mengambil bahagian dalam aktiviti seksual berikut:

- Mengambil bahagian dalam aktiviti seksual termasuk komunikasi, bahan lucah, eksploitasi, rogol, meraba, melancap, seks oral, meliwat, amang, dan pengantunan.
- Mendedahkan kanak-kanak kepada video atau majalah lucah.

Jenayah seksual adalah disengajakan, dirancang, mempunyai tujuan, dan untuk kepuasan pesalah itu semata-mata. Pesalah seksual menjadikan sasaran mereka sebagai objek seks. Kanak-kanak biasanya tidak faham aktiviti seks dengan sepenuhnya.

C. Penderaan Emosi

Penderaan emosi berlaku apabila ibu bapa gagal secara berterusan untuk menunjukkan kasih sayang kepada anak mereka ataupun mencaci / menengking kepada kanak-kanak, menyebabkannya hilang kepercayaan terhadap diri sendiri dan menjadi takut atau menjauhkan diri. Lebih daripada satu jenis penderaan boleh terjadi kepada seseorang kanak-kanak contohnya penderaan fizikal atau seksual boleh juga mengakibatkan penderaan emosi kepada kanak-kanak.

D. Pengabaian

Menurut Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka (2020), 'abai' membawa maksud tidak dipentingkan, lalai, menganggap tidak penting, tidak mempedulikan. Contohnya, tidak mengambil berat terhadap keperluan kelangsungan hidup remaja yang dipertanggungjawabkan. Ini adalah kegagalan untuk menyediakan keperluan asas sehingga menyebabkan kanak-kanak mengalami gangguan emosi, tumbesaran atau intelek. Keperluan asas ini termasuklah tidak menyediakan makanan, pakaian, perlindungan, keselamatan emosi, rawatan perubatan, pendidikan asas, serta penyediaan untuk tumbesaran dan perkembangan kanak-kanak.

E. Penganiayaan

Terma 'penganiayaan' dibezakan daripada terma pengabaian dalam Akta Kanak-kanak 2001 (Akta 611) dan Akta Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-kanak 2017 (Akta 792). Penganiayaan membawa maksud perbuatan yang sengaja dilakukan supaya orang lain menderita, melarat, sakit, terseksa, menanggung derita, atau merasa impak negatif. Sebagai contoh, sengaja menarik hak dengan tidak membenarkan seorang remaja bersekolah, di mana impak negatif termasuk sukar keluar dari kemiskinan, dan sukar mendapat kerja yang bergaji tinggi.

F. Eksplotasi

Terma 'eksplotasi' tidak dijelaskan dalam Akta Kanak-kanak 2001 (Akta 611). Namun, menurut Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka (2020), terma ini membawa maksud perbuatan mengambil kesempatan terhadap seseorang atau sesuatu secara tidak adil atau tidak sah untuk kepentingan atau keuntungan sendiri.

Seksyen 272, Akta 574 secara khusus berkaitan dengan aktiviti eksploitasi seksual, iaitu memperdagangkan seseorang untuk pelacuran, dan seksyen 17 (2) (c) (ii), Akta 611 memerihalkan exploitasi seks dalam bentuk memuaskan nafsu seks orang itu atau orang lain.

G. Lisan

Penderaan juga boleh dalam bentuk lisan. Penderaan jenis ini merujuk kepada tindakan mengkritik secara buruk, menghina, atau mencela orang lain. Malah, penderaan lisan mampu mencetuskan penderitaan, kesakitan, dan kesusahan melalui serangan lisan yang menakutkan atau intimidasi yang dimaksudkan untuk memalukan, mengganggu, menghina, atau mengancam orang yang rentan (Rerkswattavorn & Chanprasertpinyo (2019). Ia dicirikan oleh kemarahan dan sifat permusuhan. Menurut Rerkswattavorn dan Chanprasertpinyo (2019), penderaan lisan adalah bentuk komunikasi yang merosakkan, bertujuan untuk merosakkan konsep diri orang lain dan menghasilkan emosi negatif. Bagi sesetengah orang, ia adalah corak tingkah laku yang sengaja digunakan untuk mengawal atau memanipulasi orang lain, atau membalas dendam.

H. Bukan Lisan

Penderaan dalam bentuk bukan lisan juga boleh berlaku terhadap kanak-kanak dan remaja. Penderaan bentuk ini merangkumi pelbagai gerakan meremehkan atau bahasa badan yang kasar sebagai tanda tidak menghormati orang lain (Tepper, 2007; Geshina, 2015) seperti memutar mata, menyeringai, berbisik, melanggar ruang peribadi, dan cekak tangan di pinggul atau pinggang. Impak penderaan bukan lisan boleh seteruk impak penderaan fizikal (Longden & Read, 2016).

I. Visual

Penderaan visual boleh dalam dua bentuk. Pertama, pendedahan kepada bahan visual yang berbau jenayah, seksual, penderaan, dan sebagainya yang membawa kepada rasa atau pengalaman di dera. Contohnya perkongsian gambar pornografi atau lucah kepada seorang kanak-kanak. Kedua, penarikan hak visual yang sewajarnya sehingga menimbulkan kemudaratan. Sebagai contoh, membuat keputusan yang tidak berasas untuk tidak membelikan cermin mata seorang remaja yang membawa kepada ketidakbolehan remaja tersebut mengikut mata pelajaran di sekolah.

Definasi Pengantunan (Grooming Process) (Slaid 39)

Secara khusus, seksyen 13 (1), Akta 792 mengatakan pengantunan seksual sebagai “Mana-mana orang yang berkomunikasi dengan apa-apa cara dengan seseorang kanak-kanak dengan niat untuk melakukan atau untuk memudahkan pelakuan mana-mana kesalahan di bawah seksyen 5, 6, 7, 8, 15 atau 16 atau mana-mana kesalahan di bawah Jadual terhadap kanak-kanak itu, melakukan suatu kesalahan dan hendaklah, apabila disabitkan, dihukum...”

Nota:

Seksyen 5, Akta 792:

Mana-mana orang yang membuat, menghasilkan, mengarahkan pembuatan atau penghasilan, atau mengambil bahagian, menyertai atau melibatkan diri, mengikut apa-apa cara sekalipun, dalam pembuatan, penghasilan atau pengarahannya pembuatan atau penghasilan, apa-apa pornografi kanak-kanak.

Seksyen 6, Akta 792:

Mana-mana orang yang membuat apa-apa persediaan untuk membuat, menghasilkan atau mengarahkan pembuatan atau penghasilan apa-apa pornografi kanak-kanak.

Seksyen 7, Akta 792:

Mana-mana orang yang menggunakan atau menyebabkan seorang kanak-kanak digunakan dalam persediaan untuk membuat atau menghasilkan atau dalam persediaan untuk mengarahkan pembuatan atau penghasilan, atau dalam pembuatan atau penghasilan, atau dalam pengarahannya pembuatan atau penghasilan, apa-apa pornografi kanak-kanak.

Seksyen 8, Akta 792:

Mana-mana orang yang—

- (a) bertukar-tukar, menerbitkan, menjual, menyewakan, mengedar, menunjukkan, mengiklankan, menghantar, menggalakkan, mengimport, mengeksport, menyampaikan, menawarkan atau menjadikan tersedia, mengikut apa-apa cara, apa-apa pornografi kanak-kanak;
- (b) memperoleh, mengumpul atau meminta apa-apa pornografi kanak-kanak; atau
- (c) mengambil bahagian dalam atau menerima keuntungan daripada apa-apa perniagaan yang diketahuinya atau yang dia mempunyai sebab untuk mempercayai perniagaan itu berkaitan dengan apa-apa pornografi kanak-kanak

Seksyen 15, Akta 792:

Mana-mana orang yang, bagi maksud seksual—

- (a) menyentuh mana-mana bahagian badan seseorang kanak-kanak;
- (b) membuatkan seseorang kanak-kanak menyentuh mana-mana bahagian badan orang itu atau bahagian badan mana-mana orang lain;
- (c) membuatkan seseorang kanak-kanak menyentuh mana-mana bahagian badan kanak-kanak itu sendiri; atau
- (d) melakukan apa-apa perbuatan lain yang melibatkan kontak fizikal dengan seseorang kanak-kanak tanpa persetujuan

Seksyen 16, Akta 792:

Mana-mana orang yang—

(a) bagi maksud seksual—

- (i) mengatakan apa-apa perkataan atau membuat apa-apa bunyi, atau membuat apa-apa gerak isyarat atau menunjukkan apa-apa objek atau badannya atau mana-mana bahagian badannya dengan niat bahawa perkataan atau bunyi itu hendaklah didengari, atau gerak isyarat atau objek atau badan atau bahagian badannya itu hendaklah dilihat oleh seseorang kanak-kanak;
- (ii) membuatkan seseorang kanak-kanak menunjukkan badan kanak-kanak itu atau mana-mana bahagian badan kanak-kanak itu supaya dapat dilihat oleh orang itu atau mana-mana orang lain;
- (iii) mengikuti atau memerhati atau menghubungi seseorang kanak-kanak dengan apa-apa cara secara berulang kali atau kerap; atau (iv) mengugut untuk menggunakan apa-apa gambaran, sama ada dalam bentuk visual, audio atau bertulis atau gabungan bentuk visual, audio atau bertulis, atau dengan apa-apa cara lain mengenai apa-apa

bahagian badan seseorang kanak-kanak atau mengenai seseorang kanak-kanak sedang melakukan aktiviti yang bersifat seksual;

(b) melakukan aktiviti yang bersifat seksual di hadapan seseorang kanak-kanak;

(c) menyebabkan seseorang kanak-kanak memerhati seseorang yang lain sedang melakukan aktiviti yang bersifat seksual;

(d) menyebabkan seseorang kanak-kanak memerhati atau mendengar apa-apa gambaran sama ada dalam bentuk visual, audio atau bertulis atau gabungan bentuk visual, audio atau bertulis, atau dengan apa-apa cara lain mengenai seseorang yang lain sedang melakukan aktiviti yang bersifat seksual; atau

(e) membuatkan seseorang kanak-kanak melakukan aktiviti yang bersifat seksual

Definisi Kemudaratan (Harm)

Kemudaratan merupakan kesan daripada kelakuan penderaan terhadap kanak-kanak dan remaja. Menurut Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka (2021), kemudaratan adalah perihal atau keadaan mudarat, kerugian; yang dialami oleh seseorang. Dalam konteks penderaan, kemudaratan boleh dalam bentuk segera, jangka masa pendek, jangka masa panjang, akut, atau kronik.

Akta 574 membahagikan kemudaratan kepada a) kerosakan kecil, b) kerosakan, c) ugutan, dan d) kecederaan.

1.2 JENIS-JENIS PENDERAAN SEKSUAL

Penderaan seksual kanak-kanak terbahagi kepada:

1. Fizikal
2. Pengabaian (penarikan hak dalam konteks seksual)
3. Emosi (psikologikal – emosi, tingkah laku, kognitif)
4. Eksploitasi
5. Lisan
6. Bukan Lisan
7. Visual

2.0 HAK-HAK KANAK-KANAK DAN REMAJA/ CRC (Slaid 21 dan Slaid 22)

2.1 Hak Kanak-Kanak

- Hak adalah sesuatu yang kanak-kanak layak perolehi dan ia bukan sesuatu yang diperolehi (dibeli/diberi) tetapi ia adalah kepunyaan mereka sejak mereka lahir.
- Hak kanak-kanak telah diperjelaskan dalam Konvensyen Hak Kanak-Kanak.
- Kebanyakan hak remaja telah dirangkumi oleh Konvensyen Hak Kanak-Kanak.

2.2 Hak Remaja

- Kebanyakan hak remaja telah dirangkumi oleh Konvensyen Hak Kanak-Kanak.

2.3 CRC (Slaid 23)

- Telah diterima pakai oleh Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu pada 20 November 1989.
- Malaysia merupakan salah satu negara yang pihak kepada CRC

2.4 Hak kanak-kanak: Lima Prinsip Asas (Slaid 24)

- Prinsip Pertama: Seorang kanak-kanak adalah berumur dibawah 18 tahun
- Prinsip Kedua: Tiada diskriminasi
- Prinsip Ketiga: Kepentingan terbaik untuk kanak-kanak
- Prinsip Keempat: Menghormati pandangan kanak-kanak
- Prinsip Kelima: Kanak-kanak mempunyai hak untuk kehidupan, terus hidup dan perkembangan

2.5 Empat Kategori Asas Hak Kanak-Kanak (Slaid 25)

- A. Hak Kehidupan
- B. Hak Perkembangan
- C. Hak Penyertaan
- D. Hak Perlindungan

3.0 FAKTOR-FAKTOR YANG MENYUMBANG KEPADA PENDERAAN DAN PENGABAIAAN KANAK-KANAK

3.1 Faktor ibu bapa

- Pengalaman didera semasa kanak-kanak.
- Gangguan mental atau penyakit kronik.
- Harapan tinggi terhadap anak tidak bersesuaian dengan keupayaan intelek / umur.
- Menganggap penderaan fizikal sebagai cara mendidik anak.
- Ibu bapa muda/ tunggal.
- Masalah dadah/ alkohol.
- Kurang kemahiran keibubapaan.
- Faktor personaliti (mudah marah, 'insecure').

3.2 Situasi keluarga

- Terasing daripada masyarakat sekeliling.
- Susah untuk mendapatkan rawatan perubatan dan kebajikan.
- Kemiskinan/ menganggur.
- Tempat tinggal padat/ sesak.
- Krisis hidup/ tahap stress yang tinggi.
- Tekanan yang dihadapi dalam keluarga/ anak ramai.
- Masalah interaksi dalam keluarga, ibubapa dengan anak atau suami dengan isteri.
- Keganasan rumahtangga/ penceraiian.

3.3 Faktor kanak-kanak

- Anak pramatang/ bayi sering menangis nyaring.
- Kanak-kanak berperangai nakal/ sukar dikawal.
- Kurang upaya fizikal, mental atau emosi/ penyakit kronik.
- Anggapan ibu bapa bahawa anak itu berbeza daripada anak-anak lain.
- Rupa paras tidak menarik/ birth anomaly/ merupai orang yang dibenci.
- Kehamilan yang tidak dirancang/ jantina anak yang tidak dikehendaki.
- Perpisahan awal dengan ibu bapa/ kurang ikatan kasih sayang.
- Pengaruh rakan sebaya yang anti sosial.

3.4 Faktor masyarakat

- Kurang sokongan informal daripada masyarakat sekeliling seperti jiran/ saudara mara.
- Kurang sokongan formal seperti JKM/ pusat jagaan kanak-kanak.
- Kurang kesedaran masyarakat.
- Sikap masyarakat terhadap cara mendidik kanak-kanak.
- Taraf kemiskinan.
- Kurang program khusus untuk pencegahan awal.

3.5 Faktor budaya

- Percaya bahawa hukuman fizikal boleh menyelesaikan masalah.
- Pengaruh dari media dan hiburan menganggap keganasan adalah perkara biasa.
- Sikap masyarakat terhadap keibubapaan dan peranan *gender*.
- Struktur kelas sosial dalam sesuatu budaya.
- Bentuk keluarga dalam masyarakat sama ada nukleus atau keluarga kembangan.
- Sikap terhadap hak kanak-kanak dan hak ibu bapa.

4.0 STATISTIK (Slaid 26- Slaid 37)

(Rujuk statistik terkini)

5.0 PEMBENTUKAN CARA GAYA HIDUP DAN PENGANTUNAN (SEXUAL GROOMING) (Slaid 38)

5.1 Definisi “Grooming Process” (Slaid 39)

Berdasarkan sorotan karya, proses grooming adalah kompleks. Beberapa penyelidik (Geshina, 2015; Winters & Jeglic, 2017; De Santisteban, et. al., 2018; Lanning, 2018; Plummer, 2018; Broome, et. al., 2020) mendapati proses grooming merupakan cara individu a) membentuk kepercayaan, b) membentuk perwatakan, c) menjana hubungan dan d) menggunakan kuasa pengaruh untuk mempengaruhi kanak-kanak bagi mendapatkan akses, aktiviti seksual, dan pengekalan hubungan seksual; serta membentuk pendirian di mana kelakuan seks di antara mangsa dan orang yang lebih dewasa adalah tidak salah. Dalam erti kata lain, membentuk psikososial holistik dalam diri mangsa (kanak-kanak atau remaja) yang menyifatkan aktiviti seksual salah dan terlarang sebagai normal. Dapatan kajian-kajian ini menunjukkan definisi pengantunan yang sedia ada dalam Akta 792 adalah terhad.

5.2 Proses Pembentukan Cara Gaya Hidup Dan Pengantunan (Sexual Grooming) (Slaid 40)

Terdapat pelbagai dapatan kajian yang menerangkan proses pembentukan cara gaya hidup dan pengantunan. Dapatan daripada pelbagai sumber, terutamanya kajian oleh O'Connell (2003) dirujuk, untuk mendapat kefahaman yang holistik mengenai apa sebenarnya berlaku daripada pandangan pemangsa seksual kanak-kanak. Perlu dinyatakan di sini, sexual grooming menyifatkan sasaran sebagai objek dan untuk kepuasan pelaku sexual grooming seks semata-mata.

Fasa Suai Kenal

Tahap ini melibatkan pemangsa atau pedofil mendekati dan mengenali sasaran kanak-kanak atau remaja. Panjangnya masa dan kekerapan kontak awal yang dihabiskan pada fasa ini adalah subjektif kepada seseorang pedofil, serta kemesraan dan komunikasi di antara pedofil dan sasaran. Semasa peringkat ini, seorang pedofil mungkin bertanya sama ada mangsa mempunyai gambar diri mereka, dan jika jawabannya 'ya', mereka akan memohon dihantar atau ditatap gambar tersebut.

Permohonan gambar ini sebenarnya, kaedah seorang pedofil menentukan ciri-ciri fizikal sasaran adalah menepati citarasanya, adalah benar seorang kanak-kanak atau remaja, dan kaedah mendekatkan diri dengan mangsa. Biasanya perbualan terhad kepada permintaan gambar dan perihal ketarikan atau kecantikan mangsa, yang tidak semestinya bersifat seksual. Kaedah ini dapat mengurangkan syak wasangka dalam diri sasaran.

Fasa Hubungan

Fasa hubungan adalah lanjutan dari fasa suai kenal. Dalam fasa ini, seorang pedofil boleh terlibat dengan sasaran dalam bentuk perbincangan am, misalnya, kehidupan sekolah dan / atau rumah, perhubungan dengan ahli keluarga, hobi, atau minat. Tidak semua pedofil membentuk fasa ini tetapi secara amnya mereka yang berniat mengekalkan hubungan dengan sasaran, akan berusaha mencipta ilusi menjadi sahabat baik kanak-kanak atau remaja tersebut. Dalam fasa ini, pembentukan hubungan awal akan dimulakan dan kemudian diselingi dengan komunikasi yang berjinak dengan topik seks dan perhubungan, tetapi bukan pada tahap waspada, bahaya, atau menakutkan sasaran.

Fasa Penilaian Risiko

Fasa penilaian risiko merujuk kepada fasa perbualan ketika seorang pedofil akan bertanya sasaran mengenai, misalnya, lokasi komputer / gadget yang mempunyai akses internet yang digunakan dan orang lain yang menggunakan bahan yang sama. Dengan mengumpulkan maklumat seperti ini, pedofil sedang berusaha untuk menilai kemungkinan kegiatannya dikesan oleh ibu bapa, penjaga atau adik-beradik sasaran.

Pedofil juga berusaha mendapatkan maklumat mengenai kekerapan penggunaan komputer / gadget, aplikasi sosial yang disukai, dan masa yang sesuai untuk dihubungi. Ini diselingi dengan pengekalan rapport dan perhatian yang memberi sanjungan kepada sasaran.

Fasa Eksklusif

Fasa eksklusif biasanya mengikuti fasa penilaian risiko di mana rentak perbualan berubah sehingga idea 'sahabat' atau idea 'saya faham apa yang anda lalui sehingga anda boleh bercakap dengan saya mengenai apa sahaja' yang diperkenalkan ke dalam perbualan oleh pedofil.

Interaksi dua hala ini mula mencerminkan identiti eksklusif di antara pedofil dan mangsa yang mesti kekal sebagai rahsia dari orang lain. Idea kepercayaan kepada pedofil akan diperkenalkan pada masa ini dengan orang dewasa mempersoalkan sejauh mana kanak-kanak itu mempercayainya. Secara psikologi, kanak-kanak bertindak balas terhadap taktik tersebut dengan mengaku bahawa mereka mempercayai orang dewasa secara menyeluruh, dalam, dan tersirat. Ini sering membuka peluang dan ruang untuk memperkenalkan tahap perbualan seterusnya, yang memfokuskan pada isu-isu yang lebih intim dan bersifat seksual.

Fasa Seksual

Fasa seksual boleh diperkenalkan dengan soalan seperti 'pernahkah anda dicium?' atau 'Adakah anda pernah menyentuh diri anda?'. Pengenalan fasa ini dapat dilihat cukup berbahaya kerana biasanya pedofil telah memposisikan percakapan sehingga rasa senang dikongsi kepercayaan. Sering, sifat perbualan ini adalah sangat sengit dan intim.

Dari perspektif sasaran, fasa ini mungkin mencurigakan, namun sifat ingin tahu dan keinginan untuk mengekalkan hubungan dengan pedofil akan bertindak sebagai sauh. Ini akan memudahkan mangsa dimanipulasi, dan hanyut di bawa arus perbualan kerana mangsa telah memasuki landskap percakapan yang tidak dikenali sebelumnya. Lama-kelamaan perbualan yang tidak disenangi, nakal, dan berbau seksual akan diterima dan menjadi benda yang normal. Antara lain, mangsa mungkin berfikir ini ertinya perhubungan cinta, atau ini ertinya proses menjadi dewasa. Kajian lepasan juga menunjukkan sesetengah sasaran telah berjinak secara sendiri dengan dunia seksualiti melalui aplikasi sosial media bersama rakan-rakan sebaya, bilik sembang (chat group), dan pendedahan seksual secara tidak sengaja atau sengaja dalam pelantar sosial dan hiburan seperti Facebook, Instagram, Twitter dan lain-lain.

Pada fasa inilah perbezaan yang paling ketara dalam corak percakapan berlaku. Pedofil yang berhasrat untuk a) menjaga dan mengekalkan hubungan dengan mangsa, b) eksploitasi mangsa, c) membentuk fantasi seksual dengan mangsa.

Secara rumusan:

- a) Pedofil yang ingin menjaga dan mengekalkan hubungan dengan mangsa dan mengekalkan persepsi kanak-kanak mengenai rasa percaya dan 'cinta', akan mengenalkan seks secara perlahan-lahan dan pembungkuan yang diatur oleh pedofil adalah untuk kanak-kanak menganggap orang dewasa sebagai pembimbing atau kekasih masa depan.

Ini kadang-kadang dapat dibawa lebih jauh dengan janji penglibatan mangsa dalam aktiviti seks akan melahirkan kekasih yang luar biasa. Interaksi mungkin mengenai permainan dan ajakan, cara melancap sendiri dan jika pedofil adalah jantina yang berbeza dengan mangsa, pedofil akan terangkan teknik yang boleh digunakan oleh kanak-kanak jika mereka bersama kelak, sehingga kanak-kanak itu dapat membawa pedofil kepada kepuasan seks. Hasil kajian menunjukkan bahawa corak percakapan ini adalah ciri hubungan dalam talian yang mungkin berkembang menjadi permintaan untuk bersemuka.

- b) Pedofil yang hanya ingin eksploitasi mangsa tanpa perhubungan emosional, akan berfokus kepada interaksi yang dicirikan dengan permintaan untuk penciptaan, pertukaran dan pengedaran bahan pornografi kanak-kanak atau remaja. Biasanya ini melibatkan pedofil memajukan gambar pornografi kanak-kanak kepada mangsa untuk merasionalisasikan permintaan si pedofil untuk mangsa terlibat dalam aktiviti seksual dan juga untuk mengurangkan perencatan mangsa terhadap aktiviti-aktiviti lucah.

Pedofil mungkin meminta mangsa merakam dirinya yang hampir sama dengan gambar yang telah di kirim oleh pedofil, atau dalam posisi yang lain, mengikut cadangan dan idea yang digariskan.

- c) Pedofil yang ingin membentuk atau menetapkan fantasi seksual dengan mangsa menggunakan imaginasi dan mengurangkan tahap keterlibatan dalam seks terlarang atas justifikasi ia satu permainan atau bukan realiti. Biasanya tahap awal enakmen fantasi melibatkan pedofil menggambarkan senario tertentu, contohnya: 'Saya berbaring telanjang dalam kolam mandi dan anda duduk di tepi kolam mandi dengan memakai kaftan sutera yang terbuka'. Tujuan lakonan dan maginasi adalah pencapaian kepuasan seksual.

Fasa Kesimpulan

Dalam fasa ini, hasrat pedofil telah dicapai dan mangsa telah berjaya dipergunakan. Fokus utama adalah kuasa dan kawalan ke atas kehidupan mangsa dan peranan mangsa dalam dunia si pedofil. Manipulasi emosi, kebergantungan cinta dan rasa kasih sayang, memeras ugut, pembentukan caragaya seksual tidak normal, permainan emosi dan menyalahkan mangsa; merupakan beberapa hasil daripada proses grooming di bawah kawalan dan kuasa pedofil.

Sesetengah pedofil atau pemangsa seksual menghentikan proses grooming di sini, sama ada akan a) memutuskan perhubungan dengan mangsa untuk kanak-kanak yang lain, b) meninggalkan mangsa secara tiba-tiba tanpa penerangan atau kontak seterusnya, c) mensyaratkan perhubungan dengan mangsa, atau d) mengekalkan hubungan seksual dengan mangsa sehingga mangsa menjadi dewasa atau perhubungan mereka terbongkar. Dalam mana-mana pun senario, mangsa sering dipersalahkan dan dijadikan sebab perhubungan gagal. Pedofil akan mengecilkan kebertanggungjawabnya mengenai proses grooming dan akan mengungkit sifat sukarela, ingin tahu, kesanggupan, dan kesediaan mangsa untuk melibatkan diri dalam perhubungan tersebut.

Fasa Pengekalan

Bagi perhubungan yang kekal atau bersyarat, sekali-sekala, pedofil akan menggunakan teknik dalam psikologi, seperti classical conditioning dan operant conditioning (McSweeney & Murphy, 2014); untuk mengekal, 'mengulang kaji' atau meninjau semula aktiviti-aktiviti yang mendasari proses grooming agar mangsa tidak lupa atau membentuk pendirian yang lain daripada yang dihasratkan oleh pedofil. Kaedah yang diaplikasi ke atas mangsa memberi implikasi jangka masa panjang yang ketara. Kebanyakan mangsa sexual grooming tidak dapat membentuk perhubungan seksual yang normal setelah memutuskan hubungan dengan pedofil. Ini adalah kerana fenomena kompleks proses grooming mengakibatkan perubahan ketara psikososial mangsa di mana pedofil menjadi titik tengah dunia mangsa.

5.3 Elemen Pengantunan (Slaid 41)

A. Peluang (Slaid 42)

Peluang di sini merangkumi tiga aspek iaitu: a) menjadi berguna kepada orang dewasa & kanak-kanak, b) menampilkan diri sebagai peramah & menawan, dan c) mendapatkan kepercayaan orang dewasa atau penjaga.

B. Komunikasi (Slaid 43 & Slaid 45)

Aspek-aspek dalam elemen komunikasi yang mendasari proses sexual grooming termasuk: a) memastikan mangsa menyimpan rahsia, b) memanipulasi mangsa dengan ugutan, c) membuat mangsa rasa takut dan dipersalahkan, dan d) sexting.

Pendekatan yang digunakan secara semuka atau alam maya untuk menjayakan hasrat pemangsa termasuk a) menghantar umpan mesej secara serentak kepada ramai kanak-kanak atau remaja, b) menghantar 'friend request', dan c) memperdaya mangsa melalui tipu umur sebaya.

C. Sempadan Diri (Slaid 46)

Selain daripada elemen peluang dan komunikasi, terdapat elemen sempadan diri dalam proses sex grooming. Sempadan diri berkait dengan *proxemics*, iaitu cabang pengetahuan yang berkaitan dengan jumlah ruang peribadi yang individu rasa perlu untuk mengatur jarak antara mereka dengan orang lain. *Proxemics* menerangkan tiga kategori ruang peribadi iaitu a) zon sosial (jarak sekurang-kurangnya 360 cm), b) zon kawan (jarak 120cm) dan c) zon intim (jarak 45cm atau kurang).

Dalam perhubungan alam maya, isu sempadan diri merujuk kepada ikatan emosi, darjah intimasi dan perkongsian faktor atau butiran peribadi di antara individu-individu dalam perhubungan tersebut. Lebih dalam ikatan emosi dan rasa cinta akan membawa kepada perkongsian faktor atau butiran yang lebih peribadi.

D. Tingkah Laku Seksual (Slaid 47- Slaid 48)

Elemen terakhir dalam proses sex grooming ialah tingkah laku seksual itu sendiri. Dua aspek utama ditekankan iaitu tingkah laku pemangsa dan proses menghapuskan batasan sentuhan.

Tingkah laku seksual pemangsa termasuk: a) menunjukkan pornografi kepada kanak-kanak atau remaja, b) menyuruh, memaksa, atau menakutkan mangsa meniru aksi pornografi, dan c) mula mencabul, merogol atau melakukan serangan seksual terhadap mangsa. Menurut Manaf et al (2014), 25.3% daripada 1,328 remaja dalam kajian mereka pernah membaca dan melihat bahan pornografi. Farid et al (2016) pula mendapati 5% daripada 1,341 remaja berusia 13 tahun menonton pornografi di dalam internet.

Proses menghapuskan batasan sentuhan termasuk a) melakukan sentuhan selamat di depan orang dewasa atau penjaga, kemudian b) menunjukan sentuhan yang menghapuskan sempadan peribadi, iaitu sentuhan yang dibenarkan dalam konteks

pertalian darah, kekeluargaan, dan tetamu rumah, dan akhirnya c) menyentuh mangsa di tempat sulit/tertutup tanpa orang dewasa yang mampu menghalang tingkah laku tersebut.

5.4 Contoh-Contoh Ugutan & Manipulasi Pelaku Seks Kepada Kanak-kanak

- “Ini adalah hubungan cinta kita yang istimewa, tiada siapa yang boleh buat ni melainkan saya”
- “Saya sangat sayang kamu sebab itu saya buat begini pada kamu”
- “Orang lain tak kan faham hubungan kita”
- “Jika kamu sayang saya jangan beritahu sesiapa kerana saya akan dipenjarakan dan kamu akan hilang saya”
- “Orang lain tidak akan percaya kamu”
- “Tiada siapa yang ikhlas berkawan dan sayang kamu seperti saya”
- “Jika kamu beritahu orang, saya akan bunuh kamu atau orang yang kamu sayang
- “Kalau saya masuk penjara, tiada siapa lagi yang akan bagi kamu duit, hadiah, telefon, dan lain-lain”
- “Ibu bapa kamu akan marah dan benci kamu”
- “Kamu akan hilang kawan selamanya”
- “Kamu yang mula dulu dan buat saya nak kepada kamu”
- “Kamu tidak akan dapat berkahwin selamanya”

6.0 PERWATAKAN PEMANGSA (Slaid 52)

Bahagian ini memerihalkan lima perkara berkaitan dengan perwatakan pemangsa. Pertama, pencetus kelakuan rogol. Kedua, hasil dapatan kajian delinkuensi. Ketiga ciri-ciri penjenayah seksual, keempat, sasaran pelaku seks dan yang akhir ialah isu-isu terkini yang berhubung kait dengan jenayah seks terhadap kanak-kanak dan remaja.

6.1 Pencetus Kelakuan Rogol (Slaid 53)

Dapatan kajian lepas dari dalam dan luar negara menunjukkan pelbagai pencetus kelakuan rogol. Tinjauan sorotan karya (O’Connell, 2003; Geshina, 2015; Noor, 2015; Jonason, et. al., 2017; Ab Rahman, et. al., 2018; Plummer, 2018; Perrota, 2020) menunjukkan pertemuan faktor psikologi, kesihatan fizikal, tingkah laku dewasa, kehidupan awal, biologi perogol dan mangsa, serta persekitaran sosioekonomi dan geografi yang mencetus kelakuan rogol atau serangan seksual.

Psikologi – termasuk atitud, pemikiran pro-jenayah, tret agresif, tret suka mengambil risiko, harga diri yang rendah, mudah mempercayai orang lain, kesunyian, dan lain - lain.

Kesihatan Fizikal – merangkumi kesihatan perogol dan kesihatan mangsa yang membolehkan jenayah rogol berlaku.

Tingkah Laku Dewasa – berfokus kepada tingkah laku perogol dewasa yang sengaja, berbentuk seksual, mencari peluang, modus operandi mendekati mangsa, aktiviti seksual, dan tindakan selepas aktiviti seksual bersama mangsa.

Kehidupan Awal – memerihalkan pengaruh pengalaman semasa kehidupan awal yang meninggikan risiko seseorang menjadi perogol. Ini termasuk pendedahan awal kepada dunia seks, pengalaman menjadi mangsa dera, perhubungan dengan ibu bapa dan ahli keluarga, dan pembelajaran awal mengenai nilai moral, prinsip agama, dan kelakuan yang positif atau tidak positif.

Biologi – Faktor biologi termasuk sumbangan genetik dan evolusi terhadap perkembangan otak, serta fungsi neurobiologi (iaitu bagaimana struktur fizikal otak mempengaruhi fungsinya), di mana keadaan biologi dikaitkan oleh beberapa penyelidik kepada kelakuan rogol atau serangan seksual.

Sosioekonomi & Geografi – keadaan sosiobudaya, ekonomi dan geografi di dalam persekitaraan segera seseorang boleh bertindak sebagai pemangkin kejadian rogol.

6.2 Hasil Dapatan Kajian Delikuensi (Slaid 54)

Hasil dapatan beberapa kajian mengenai delinkuensi, sebagai contoh Nadiah Syariani (2015), DeLisi, et. al. (2019), dan Yoder, et. al. (2019) mendapati bahawa titik permulaan melibatkan diri dengan jenayah seksual adalah semasa fasa kanak-kanak dan remaja. Antara dapatan kajian-kajian tersebut ialah pengherotan kognitif, kawalan diri yang rendah, harga diri yang rendah, perselisihan dalam keluarga, bermasalah dengan autoriti, mempunyai kepercayaan yang delinkuen, dan mempunyai rakan delinkuen.

6.3 Ciri- Ciri Penjenayah Seksual (Slaid 55)

Permulaan tingkahlaku delinkuen pada usia yang muda termasuk:

- Mempunyai rekod jenayah
- Rakan anti-sosial
- Impulsif
- Empati yang rendah
- Tahap marah / dendam yang tinggi
- Penderaan emosi
- Melihat keganasan di rumah

6.4 Sasaran Pelaku Seks (Slaid 56)

Sorotan karya menunjukkan sasaran pelaku seks adalah subjektif. Setiap pelaku mempunyai kriteria yang tersendiri, namun terdapat beberapa persamaan di antara mereka yang boleh dikategorikan mengikut sosiodemografi sasaran (Manaf, et. al., 2014; Winters dan Jeglic, 2017; Salter, 2018), sebagai contoh jantina, julat umur, ciri-ciri fizikal, perwatakan, dan telah mendapat pendedahan awal kepada bahan pornografi.

Dalam satu kajian di kalangan 101 penjenayah pencabulan kanak-kanak, van Gijn-Grosvenor, & Lamb (2016) mendapati bahawa *sex groomer* yang mensasarkan kanak-kanak lelaki adalah lebih tua dan berpura-pura menjadi lebih muda berbanding *sex groomer* yang mensasarkan kanak-kanak perempuan. Menurut Mogavero (2019), penyelidikan mengenai pemangsa seks di kalangan pelaku wanita mempunyai tren, perwatakan, dan tingkah laku jenis pemangsa yang sama, di mana mereka lebih cenderung memilih lelaki remaja awal, menggoda, dan menggunakan penipuan mengajar mangsa menjadi kekasih yang hebat untuk perhubungan-perhubungan intim yang akan datang.

Terdapat juga pelaku seks yang sengaja mencari kanak-kanak atau remaja yang mudah terdedah & kurang keperluan asas, kanak-kanak pasif dan tidak asertif, serta kanak-kanak kelainan upaya atau bermasalah; kerana sasaran sebegini adalah *vulnerable* dan lebih mudah didampingi berbanding dengan kumpulan kanak-kanak lain.

6.5 Isu Terkini (Slaid 57)

Online Gaming

Penglibatan kanak-kanak dan remaja dalam *online gaming* merungsingkan kerana ia membuka peluang pembentukan ketagihan kepada dunia gaming sehingga mengugat kefungsi dan perhubungan normal. Sesetengah permainan atas talian adalah mengenai seks atau pendedahan kepada unsur-unsur seks yang tidak sesuai untuk kanak-kanak atau remaja.

Kejelasan konsep sendiri telah dikenal pasti oleh Šporčić & Glavak-Tkalić (2018) sebagai faktor risiko perkembangan ketagihan internet pada individu yang cenderung memenuhi keperluan sosial mereka melalui interaksi dalam dunia maya, terutamanya dalam permainan ganas atau berbentuk seksual yang melibatkan pengujaan pelbagai deria dalam masa yang sama atau serentak. Selain itu, kajian Burnay, et. al (2019) mendapati tahap gangguan seksual terhadap pasangan wanita lebih tinggi bagi peserta yang bermain permainan atas talian dengan watak perempuan sebagai objek seks daripada peserta yang bermain permainan yang sama dengan watak perempuan yang tidak dijadikan objek seks. Penemuan ini menunjukkan bahawa seksualisasi watak perempuan dalam permainan video boleh menjadi syarat yang mencukupi untuk mencetuskan gangguan seksual dalam talian terhadap perempuan.

Online gaming: Langkah berjaga-jaga

- Jangan letak nama sebenar/sebahagian nama sebenar sebagai 'nama kod'.
- Aktifkan mod '*invite only*' ketika bermain '*online gaming*'. Dengan mod ini, hanya orang tertentu sahaja dibenarkan menghantar mesej ketika bermain '*online gaming*'.
- Beritahu anak-anak bahaya yang mungkin timbul ketika bermain '*online gaming*'. Beritahu anak-anak permintaan diluar batasan yang boleh mengundang bahaya daripada '*online friend*'.

Bahaya '*online gaming*'

- Perlu curiga jika teman sepermainan yang tidak dikenali meminta gambar kanak-kanak dan orang tidak dikenali menghantar gambar beliau yang mencurigakan
- Orang tidak dikenali menawarkan gambar bogel mereka dan minta kanak-kanak menghantar gambar bogel kanak-kanak sebagai balasan.
- Pesalah laku seks online akan mendapat kunci rumah anda secara virtual melalui internet. Pesalah laku seks dapat memasuki ruang peribadi anda dalam bilik tidur, ruang tamu dan dengan bebas mengambil kesempatan ke atas kanak-kanak.

Peraturan keselamatan ketika bermain '*online gaming*'

- Beritahu anak-anak peraturan keselamatan ketika bermain '*online gaming*'
- Jangan beritahu nama, umur, alamat / kawasan tempat tinggal anda (kanak-kanak) dan maklumat ibu bapa.
- Kanak-kanak sepatutnya bermain '*online gaming*' bersama orang yang benar-benar dikenali dalam realiti seperti kawan sekolah dan jiran.
- Jangan memasuki '*chat room*'.
- Jangan memulakan perbualan '*online*' dengan orang yang tidak dikenali.
- Memperkasakan kanak-kanak dengan ilmu keselamatan '*online gaming*'.
- 'Turn off' mod lokasi dalam applikasi telefon pintar anak-anak.
- Kanak-kanak perlu memohon kebenaran ibu bapa sebelum '*posting*' sebarang maklumat di '*online*'.

Victim Facilitation

Victim Facilitation berlaku apabila mangsa secara tidak sengaja memudahkan individu melakukan jenayah terhadapnya atau ahli keluarganya. Seorang mangsa, dengan cara ini menjadi pemangkin insiden jenayah. Sebagai contoh, seorang remaja lelaki yang secara tidak sengaja meninggalkan kunci rumah yang dapat dilihat secara jelas ketika dia pergi ke tandas, jika kunci tersebut dicuri akan menjadi mangsa yang mempermudah insiden jenayah terhadap dirinya sendiri. Remaja lelaki ini tidak boleh disalahkan - pesalah tidak boleh mencuri, tidak kira jika kunci rumah dalam pandangan jelas atau tidak, tetapi tindakan mangsa pasti menjadikannya sasaran yang mungkin dan memudahkan insiden jenayah berlaku.

Victim Provocation (Provokasi Mangsa)

Provokasi mangsa berlaku apabila seseorang melakukan sesuatu yang menghasut orang lain untuk melakukan perbuatan yang menyalahi undang-undang. Provokasi menunjukkan bahawa tanpa tingkah laku mangsa, jenayah itu tidak akan berlaku. Dalam konteks penderaan terhadap kanak-kanak atau remaja, ini bererti aktiviti atau kelakuan mangsa memprovok pendera bertindak mencederakan mangsa.

Victim Precipitation

- Pendekatan Victim Precipitation menganggap pesalah dan mangsa sebagai rakan kongsi yang saling berinteraksi di mana mangsa, melalui tanda-tanda, hubungan mata, gerak isyarat dan kata-kata, atau dengan hadir di tempat-tempat tertentu atau keluar sendiri; kadang-kadang menggalakkan rogol.
- Perkara-perkara seperti menerima ajakan menumpang kenderaan, memberi respons mesra dalam perbualan, menerima jemputan makan malam, melawat rakan lelaki di rumah, atau menjemput kawan lelaki ke rumah; mungkin di salah baca atau sengaja dirasionalisasikan oleh pelaku sebagai tanda persetujuan untuk hubungan seksual.
- Dalam erti kata lain, seorang diperkosa kerana dia gagal untuk berkomunikasi secara tepat dengan keinginannya untuk tidak melakukan seks.

Keluarga Dysfunctional

- Pendekatan keluarga *dysfunctional* ini memberi tumpuan kepada unit keluarga sebagai *dysfunctional*.
- Menurut pandangan ini, sumbang mahram dilihat sebagai gejala keseluruhan keluarga yang *dysfunctional* dan ia mencadangkan bahawa semua ahli keluarga bertanggungjawab keatas berlakunya sumbang mahram, walaupun ahli keluarga lain tidak terlibat, terutamanya ibu.
- Suatu keluarga di mana sumbang mahram sedang berlaku dilihat sebagai tidak berfungsi kerana ia melanggar matlamat atau nilai sosial yang diluluskan dan hierarki keluarga biasa.
- Sumbang mahram digunakan untuk mengurangkan ketegangan dan mengekalkan keseimbangan dalam keluarga sambil memastikan patologi keluarga disimpan rahsia.

TikTok

Pada permukaannya, TikTok seolah-olah tidak membahayakan. Menurut Neeson (2020) terdapat 800 juta pengguna aktif TikTok di seluruh dunia. Dari pengguna ini, 40% berumur antara 14 hingga 24 tahun. Asalnya, TikTok adalah video berbentuk pendek yang berdurasi beberapa saat hingga satu minit. Malah, TikTok pernah mendapat pujian sebagai aplikasi yang menyeronokkan dan sesuai untuk pelbagai julat umur. Pada hakikinya, pelbagai masalah keselamatan muncul sejak beberapa tahun kebelakangan ini. Di dunia di mana pengguna dapat menandatangani hak dan maklumat mereka dengan satu klik pada kontrak yang dibuat untuk diabaikan, bahaya penggunaanya perlu difahami.

Bahaya # 1: Kebenaran dilanjutkan dalam aplikasi. Pengguna mesti menyetujui akses ke pelbagai aplikasi dalam gadget sebagai contoh: mikrofon, kamera, senarai kenalan, perkhidmatan lokasi, dan papan keratan telefon. Ini membuka peluang untuk maklumat peribadi di curi dan digunakan untuk tujuan yang menyalahi undang-undang.

Bahaya # 2: Perlombongan, penjualan, dan penyimpanan data. Dalam kes TikTok, pengguna harus sedar bahawa data tersebut tidak terdapat dalam aplikasi atau pelayannya. Dalam usaha untuk kekal selamat dalam talian, pengguna perlu fahami bahawa aplikasi ini melindungi diri mereka secara jelas dan tidak semestinya mempunyai kepentingan terbaik untuk pengguna.

Bahaya # 3: Keselamatan diri dan negara. Terdapat kerungsingan mengenai jalan belakang siber (*cyber backdoors*), penggodaman, pengecaman wajah, pengesanan lokasi, perisian intip, kandungan tanpa sensor, dan teknologi invasif peribadi lain; dalam TikTok. Ini merbahaya kepada pengguna dan negara secara am kerana kebolehan rahsia-rahsia dipecah, dan memudahkan pembentukan perwatakan, tingkah laku, atau aktiviti yang tidak sihat dilakukan demi meraih populariti. Malah, menurut beberapa berita antarabangsa, TikTok semakin di guna oleh pemangsa seks dan pedofil untuk mensasarkan kanak-kanak dan remaja (Silva, 2019; Mourad, 2020; Ram, 2020).

Covid 19

Pandemik Covid-19 yang melanda dunia sejak penghujung 2019 bukan sahaja memberi kesan mendalam kepada orang dewasa malah turut dirasai oleh kanak-kanak. Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang telah dilaksanakan bagi mengekang penularan wabak ini telah mewujudkan konflik terhadap emosi kanak-kanak. Penutupan sekolah, tidak boleh keluar rumah, tidak boleh bermain, tidak boleh berjumpa rakan adalah berlawanan dengan fitrah semula jadi kanak-kanak dan menggugat perkembangan sosial dan emosi mereka.

Dalam situasi pandemik, kes keganasan rumah tangga dan penderaan kanak-kanak dijangka meningkat (WHO, 2020). Tambahan pula dalam situasi Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), kanak-kanak berada di rumah dan mereka terdedah dengan penderaan fizikal, seksual dan juga psikologikal. Mereka bergantung kepada ibubapa/ penjaga mereka dan peluang bagi mereka untuk menceritakan atau melaporkan kepada orang dewasa lain bagi mendapatkan bantuan adalah amat tipis. Ini berikutan daripada faktor-faktor tekanan yang dihadapi oleh ibu bapa seperti faktor kewangan, pekerjaan, perhubungan yang menyumbang kepada berlakunya insiden penderaan ini. Kanak-kanak menjadi mangsa keadaan bilamana ibu bapa tidak dapat mengawal emosi.

7.0 KESAN-KESAN DAN INDIKATOR PENDERAAN KANAK-KANAK

7.1 Ciri-ciri kanak-kanak

- Menunjukkan penurunan prestasi dalam pelajaran.
- Perubahan tiba-tiba pada kelakuan atau personaliti.
- Tidak mendapat rawatan perubatan walaupun ibu bapa telah mengetahui tentang masalah kesihatan anak.
- Tidak memberi tumpuan masa belajar atau kerap termenung/ khayal.
- Kelihatan ketakutan seolah-olah sesuatu yang buruk akan berlaku (*frozen watchfulness*).
- Kurang seliaan oleh ibu bapa/ penjaga.
- Rendah diri, mengasingkan diri, tidak mahu berkawan.
- Ponteng sekolah atau lari dari rumah.

7.2 Ciri-ciri ibu bapa

- Kurang prihatin terhaap kanak-kanak.
- Menyalahkan anak-anak untuk masalah keluarga/ di sekolah/ menafikan masalah ini wujud.
- Menganggap anak sebagai beban, tidak berguna, atau jahat.
- Menaruh harapan yang terlalu tinggi terhadap anak dari segi pelajaran atau pencapaian di luar kemampuannya.

7.3 Indikator Penderaan Fizikal

Tanda-tanda:

- Kecederaan pada kulit seperti lebam, luka dan abrasi, terutamanya lengan dan peha (*medical aspect*), abdomen, belakang dan mata, terbakar dan melecur, kesan cucuh rokok, kesan gigitan/ cubitan.
- Patah tulang/ dislokasi.
- Sawan atau pucat yang mungkin tanda pendarahan dalam otak (*shaken baby syndrome*).
- *Blunt injury to abdomen and chest*.
- Tanda keracunan, dadah atau ubat khayal seperti *drowsy*.

Penderaan fizikal disyaki jika:

- Kanak-kanak lewat dibawa untuk rawatan perubatan.
- Keterangan ibu bapa/ penjaga tidak jelas atau tidak spesifik.
- Keterangan berbeza-beza antara ibu/bapa/penjaga atau berubah-ubah pada masa lain.
- Keterangan yang diberikan tentang kemalangan tidak munasabah dengan kecederaan yang dialami.
- Ibu bapa tidak menunjukkan rasa bimbang yang sepatutnya.
- Kanak-kanak menyatakan yang dia telah didera.
- Kanak-kanak atau adik beradik pernah mengalami kecederaan.

Untuk penderaan fizikal, soalan-soalan yang patut ditanya:

- Apakah jenis kecederaan?
- Bagaimana kecederaan berlaku?
- Bila kecederaan berlaku?
- Siapa yang berada di tempat kejadian?
- Apakah yang dilakukan oleh penjaga/ibu bapa?

7.4 Indikator Penderaan Seksual

- Keterangan dari kanak-kanak tentang aktiviti seks.
- Pengetahuan tentang seks yang tidak seimbang dengan umur atau kelakuan seksual.
- Kelakuan yang mencederakan diri seperti ketagihan dadah, cubaan bunuh diri.
- Sentiasa lari dari rumah.
- Menerima hadiah atau duit tanpa sebab yang nyata.
- *Anorexia dan bulimia*.
- Kemerosotan dari segi perkembangan dan tumbesaran (kanak-kanak awal usia).
- Takut tidur berseorangan, mengigau.
- Perubahan tingkahlaku yang ketara, meragam, agresif atau mengasingkan diri.
- Tidak memberi tumpuan masa belajar atau kerap termenung/ khayal.

Tanda-tanda penderaan seksual:

- Pendarahan dari vagina, *external genitalia* atau dubur.
- Kecederaan seperti luka, lebam pada bahagian kemaluan atau dubur.
- Penyakit jangkitan seksual (*sexual Transmitted Infection*).
- Kecederaan pada payudara, punggung, abdomen atau peha.
- Kehamilan remaja.

7.5 Indikator Pengabaian Kanak-Kanak

- Disyaki pengabaian kanak-kanak jika kanak-kanak:
 - Selalu tidak hadir ke sekolah.
 - Meminta atau mencuri makanan atau wang.
 - Kurang menerima rawatan perubatan atau pergigian yang diperlukan, cermin mata untuk kanak-kanak yang rabun.
 - Badan selalu kotor dan berbau busuk.
 - Minum arak atau menagih dadah.
 - Beritahu yang dia ditinggal keseorangan atau tanpa penjaga di rumah.
- Disyaki pengabaian kanak-kanak jika ibubapa/ penjaga:
 - Tidak mengambil berat atas hal anak.
 - Nampak kurang bertenaga dan murung.
 - Berkelakuan tidak wajar atau berkelakuan ganjil.
 - Penagih dadah atau arak.

7.6 Indikator Penderaan Emosi

- Disyaki jika kanak-kanak:
 - Menunjukkan tingkah laku yang keterlaluan seperti terlalu baik atau terlalu mendesak, terlampau pasif atau agresif.
 - Bertingkah laku seperti dewasa (seperti disuruh mengurus adik/ rumah) atau kebudak-budakkan (misalnya menghentak kepala).
 - Mempunyai perkembangan fizikal atau emosi yang terbantut.
 - Cuba bunuh diri.
 - Memberitahu dia tidak mempunyai hubungan rapat dengan ibu bapa.
- Disyaki jika ibubapa/ penjaga:
 - Selalu menyalahkan, memperkecil atau memarahi anak.
 - Tidak mengambil berat mengenai anak dan menolak pertolongan untuk membantu anak.
 - Tidak mengaku anak.

7.7 Tanda-tanda penderaan seksual (Kanak-kanak) (Slaid 59 & Slaid 60)

- ✓ Berbeza untuk setiap individu.
- ✓ Setengah kanak-kanak **tidak** menunjukkan sebarang tanda penderaan seksual.
- ✓ Boleh dilihat melalui tingkah laku seksual.
- ✓ Boleh dilihat melalui lukisan atau tulisan.
- ✓ Boleh dilihat melalui percakapan dengan rakan sebaya dan orang dewasa.

7.8 Tanda-tanda penderaan seksual dari segi fizikal (Kanak-kanak) (Slaid 61)

- ✓ Pendarahan dari bahagian luar kemaluan (Vagina, External Genitalia, Dubur).
- ✓ Kecederaan seperti luka, lebam pada bahagian kemaluan atau dubur.
- ✓ Penyakit jangkitan seksual (Sexually Transmitted Infections).
- ✓ Kecederaan pada payudara, punggung, abdomen atau peha.
- ✓ Kehamilan remaja.

7.9 Tanda-tanda penderaan seksual dari segi tingkah laku (Kanak-kanak) (Slaid 62)

- ✓ Permainan berunsur seksual yang melibatkan rakan sebaya atau kanak-kanak yang lebih muda.
- ✓ Terlalu banyak beronani sehingga mengganggu waktu bermain.
- ✓ Melukis bahagian-bahagian seksual badan secara berterusan.
- ✓ Meniru perlakuan seks dengan suara ghairah seperti mengerang.
- ✓ Tertarik untuk melakukan aktiviti seksual dan tidak boleh berhenti walaupun ditegah oleh orang dewasa.

7.10 Tanda-tanda penderaan seksual dari segi tingkah laku (Remaja) (Slaid 63 & Slaid 64)

- ✓ Memakai pakaian yang berlapis-lapis secara tiba-tiba.
- ✓ Percakapan yang berunsur seksual dengan kanak-kanak yang lebih muda.
- ✓ Cuba untuk menunjukkan bahagian kemaluan kepada orang lain.
- ✓ Obses dengan pornografi seksual yang agresif.
- ✓ Beronani dengan banyak akibat desakan nafsu.
- ✓ Menggunakan seks untuk menyakiti dan mengugut kanak-kanak yang lebih muda dengan sengaja.
- ✓ Perubahan emosi yang drastik seperti rasa bersalah, rasa malu, kurang keyakinan diri, kebimbangan, marah, menarik diri dan tertekan.
- ✓ Mengalami masalah pemakanan dan mengalami gangguan tidur (mimpi ngeri)
- ✓ Menghadapi masalah di sekolah.
- ✓ Kekeliruan mengenai seks, kasih sayang dan duit.
- ✓ Mempunyai isu dalam kepercayaan.
- ✓ Menggunakan alat elektronik yang tidak dibeli atau diberi oleh ibu bapa/penjaga atau menerima hadiah daripada individu yang tidak dikenali.

7.11 Bagaimana emosi kanak-kanak mangsa penderaan seksual? (Slaid 65)

- ✓ Takut
- ✓ Sedih
- ✓ Marah
- ✓ Terkejut
- ✓ Keliru
- ✓ Bimbang / risau
- ✓ Mudah / cepat sensitif

Ekspresi mangsa keganasan seksual kanak-kanak melalui lukisan (Slaid 66 – Slaid 72)

Contoh Slaid 66 –

Paderi berusia 54 tahun mencabul kanak-kanak berusia 5 tahun di Brazil. Paderi mengajar kelas di gereja kepada sekumpulan kanak-kanak. Mangsa setelah mengikuti kelas berkenaan, dan secara tiba-tiba tidak mahu mengikuti kelas itu lagi. Ibu bapa risau dan membawa anak itu berjumpa dengan 'child psychologist' dan 'child psychologist' mengesyaki anak ini didera secara seksual. Ibu bapa mencari bahan bukti di bilik anaknya dan menjumpai 6 kepingan lukisan yang telah diselitkan diantara buku-buku anak itu. Perbuatan menyelit lukisan di antara buku-buku menunjukkan anak itu malu dengan apa yang telah berlaku. Lukisan itu secara jelas menunjukkan anak ini didera secara seksual. Bapa telah menghubungi paderi melalui telefon dan paderi mengakui apa yang telah dilakukan terhadap kanak-kanak tersebut dan paderi telah ditangkap polis serta didakwa di mahkamah.

8.0 Langkah Pencegahan (Slaid 73)

Kategori Ikhtiar Pencegahan (Slaid 74 & Slaid 75)

- Polisi Awam
- Komuniti
- Organisasi
- Interpersonal
- Individu

9.0 Peranan Agensi Terlibat (Slaid 76)

- **Polis Diraja Malaysia (PDRM)**

Menerima laporan dan menjalankan siasatan mengikut prosedur kerja pihak polis. PDRM juga memberikan perlindungan kepada mangsa, keluarga mangsa dan petugas kesihatan. Bagi pengambilan spesimen pihak PDRM mengawasi prosedur dan memastikan spesimen dibawa ke makmal kimia dengan selamat.

- **Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM)**

Menyiasat dan membuat penilaian sosial sama ada mangsa memerlukan rawatan lanjut dan perlindungan. JKM turut memastikan mangsa mendapat perlindungan dan penempatan yang selamat serta membantu di dalam pemulihan mangsa dan keluarga. JKM juga menyediakan bantuan kewangan dan lain-lain bantuan sosial.

- ✓ **Talian Kasih (15999)**

Merupakan satu talian yang disediakan oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) sejak Disember 2007 yang memberi kemudahan kepada orang awam untuk melaporkan pelbagai masalah berkaitan penderaan, kebajikan, kaunseling dan perlindungan.

Merupakan pusat panggilan sehenti yang beroperasi 24 jam 365 hari setahun. Talian ini boleh dihubungi melalui talian tetap, telefon bimbit mahupun telefon awam. Setiap kes yang dilaporkan akan disiasat oleh Pegawai Pelindung Kanak-Kanak mengikut lokasi berlakunya penderaan tersebut.

- ✓ **Child Line**

Merupakan satu projek usaha sama pertubuhan bukan kerajaan dan KPWKM untuk memberi perlindungan kemudahan khidmat telefon 24 jam kepada kanak-kanak yang memerlukan informasi, perhatian dan perlindungan. Telah dilancarkan pada 13 November 2010 dan menggunakan talian yang sama dengan Talian Kasih iaitu 15999.

- **Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM)**

Menyediakan perkhidmatan One Stop Crisis Centre (OSCC) yang menerima semua mangsa-mangsa serangan seksual, penderaan kanak-kanak dan keganasan rumahtangga bagi menjalankan pemeriksaan dan memberi rawatan, pengambilan spesimen untuk ujian yang diperlukan mengikut prosedur pengurusan mangsa. Bagi mangsa-mangsa berumur bawah 18 tahun, prosedur pengendalian kes adalah mengikut garis panduan SCAN.

- **Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM)**

Guru di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia mempunyai kedudukan terbaik dalam mengenal pasti dan bertindak balas berhubung dengan kanak-kanak yang didera. Guru merupakan sumber yang terbaik untuk mengenalpasti kanak-kanak yang memerlukan bantuan selain prihatin terhadap petanda penderaan dan prosedur membuat laporan. Selain itu, guru juga boleh memasukkan bahan atau topik keselamatan diri dan pengetahuan keselamatan dalam pembelajaran di sekolah.

- **Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM)**

Menyediakan khidmat kaunseling atau runding cara bagi pasangan atau keluarga yang terlibat. JAKIM juga merangka dan melaksanakan beberapa program dalam menangani isu ini. Selain itu, JAKIM turut memasukkan isu penderaan di dalam pengisian khutbah untuk dibacakan oleh khatib di dalam Solat Jumaat bagi memberi kesedaran kepada orang ramai.

- **Kementerian Komunikasi & Multimedia Malaysia (KKMM)**

KKMM bertanggungjawab untuk mengawal selia industri komunikasi dan multimedia negara serta berusaha untuk memupuk kewaspadaan rakyat melalui media. KKMM menyediakan serta memaparkan iklan-iklan dan info-info untuk memberikan kesedaran kepada masyarakat serta menyebarkan cara-cara atau pihak yang boleh dirujuk sekiranya berlaku kes penderaan.

- **NGO (Badan Kerajaan dan Badan Bukan Kerajaan (NGO Swasta))**

Bertindak sebagai sistem sokongan kepada masyarakat dalam pelbagai aspek. Kebanyakan NGO berperanan di dalam menangani kes-kes yang berkaitan dengan keganasan rumahtangga. Walaubagaimanapun, perlindungan kanak-kanak juga diambil kira dengan merujuk kepada NGO atau agensi kerajaan yang berkaitan.

10.0 RUJUKAN PERUNDANGAN

- Akta Kanak-Kanak 2001 (Akta 611)
- Akta Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-kanak 2017 (Akta 792)
- Kanun Keseksaan Malaysia (Akta 574)
- Akta Taman Asuhan Kanak-kanak 1984 (Akta 308)

RUJUKAN

- Ab Rahman, Z., Kamarzaman, M. H., Ibrahim, M., Awang, J., Salleh, K., Abdullah, S. N. H. S., & Badaruzzaman, W. H. W. (2018). Internal Factors That Lead To Crime Rape According To Islamic Scholars In Malaysia. *International Journal of Business and Social Science*, 9(2), 204-209
- American Psychiatric Association (2013). *Diagnostic and Statistical Manual of Mental Disorders*. Washington D C: American Psychiatric Association
- Broome, L. J., Izura, C., & Davies, J. (2020). A psycho-linguistic profile of online grooming conversations: A comparative study of prison and police staff considerations. *Child Abuse & Neglect*, 109, 104647.
- Burnay, J., Bushman, B. J., & Larøi, F. (2019). Effects of sexualized video games on online sexual harassment. *Aggressive behavior*, 45(2), 214-223.
- De Santisteban, P., Del Hoyo, J., Alcázar-Córcoles, M. Á., & Gámez-Guadix, M. (2018). Progression, maintenance, and feedback of online child sexual grooming: A qualitative analysis of online predators. *Child Abuse & Neglect*, 80, 203-215.
- DeLisi, M., Bunga, R., Heirigs, M. H., Erickson, J. H., & Hochstetler, A. (2019). The past is prologue: criminal specialization continuity in the delinquent career. *Youth violence and juvenile justice*, 17(4), 335-353.
- Farid, N. D. N., Yahya, A., Al-Sadat, N., Dahlui, M., Su, T. T., Thangiah, N., ... & MyHeART Study Group. (2016). High-risk behavior among young adolescents in the central and Northern Region of Peninsular Malaysia: Baseline data from the MyHeART study. *Journal of Child and Family Studies*, 25(11), 3204-3213.
- Geshina, A. M. S. (2015). *Criminology: Addressing Social Ills*, School of Health Sciences, USM
- Hashim, N. I. I., Yusof, W., & Kusrin, Z. M. (2019). Tinjauan Literatur Faktor Pengabaian Kanak-kanak di Malaysia. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences (e-ISSN: 2600-9080)*, 2(1), 16-28.
- Jonason, P. K., Girgis, M., & Milne-Home, J. (2017). The exploitive mating strategy of the Dark Triad traits: Tests of rape-enabling attitudes. *Archives of sexual behavior*, 46(3), 697-706.
- Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka (2020)
- Kementerian Kesihatan Malaysia (2001). *Dasar Kesihatan Remaja Negara*, Putrajaya: Kementerian Kesihatan Malaysia

- Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (14 Disember 2020), Pemberitahuan pertanyaan jawab lisan Dewan Rakyat mesyuarat ketiga, penggal ketiga parlimen ke-14, soalan no. 7. <http://https://www.kpwkm.gov.my/kpwkm/uploads/files/Dokumen/Jawapan%20Dewan%20Rakyat/20201214.pdf>
- Konvensyen mengenai Hak Kanak-kanak (1989), Resolusi perhimpunan 44/25 20 November 1989, Bahagian 1, Artikel 1, di <https://www.ohchr.org/Documents/ProfessionalInterest/crc.pdf>
- Lanning, K. (2018). The evolution of grooming: Concept and term. *Journal of Interpersonal Violence*, 33(1), 5-16.
- Longden, E. & Read, J. (2016). Social adversity in the etiology of psychosis: A review of the evidence. *American Journal of Psychotherapy*, 70, 5– 33.
- Manaf, M. R. A., Tahir, M. M., Sidi, H., Midin, M., Jaafar, N. R. N., Das, S., & Abd Malek, A. M. (2014). Pre-marital sex and its predicting factors among Malaysian youths. *Comprehensive psychiatry*, 55, S82-S88.
- McSweeney, F. K. & Murphy, E. S. (2014). *The Wiley Blackwell Handbook of Operant and Classical Conditioning*. Malden. MA: John Wiley & Sons
- Mogavero, M. C. (2019). Female Sexual Predators. *The Encyclopedia of Women and Crime*, 1-2.
- Mourad, S (26 September 2020). The warning every Australian parent must read: Sex predators have turned to popular app TikTok to blackmail kids into sending them vile videos. Daily Mail Australia. At: <https://www.dailymail.co.uk/news/article-8775051/TikTok-used-sex-predators-blackmail-children.html>
- Nadiah Syariani M. S. (2015). *Psychosocial Profiles of Male Juvenile Delinquents* (Masters dissertation, Universiti Sains Malaysia).
- Neeson, J. (2020), The Dangers of TikTok That Are Worth Your Attention, At: <https://www.rd.com/article/the-dangers-of-tiktok-that-are-worth-your-attention/>
- Noor, Z. (2015). Penderaan Kanak-Kanak oleh Ibu Bapa atau Penjaga dan Implikasinya Mengikut Undang-Undang Sivill dan Undang-Undang Keluarga Islam di Malaysia. *Perspektif: Jurnal Sains Sosial dan Kemanusiaan*, 7(2), 66-80.
- Norsaleh, M.S., Nabilah Huda, Z., Zetty Nuzuliana, R., Noorhafizah, M. H., Kamal Azmi, A. R., dan Norbahiah, M. (2018). Statistik kes penderaan kanak-kanak di Malaysia: satu analisis. *International Journal for Studies on Children, Women, Elderly and Disabled*, Vol. 5, (Oct.): 17-24
- O'Connell, R. (2003). A typology of child cybersexexploitation and online grooming practices. *Cyberspace Research Unit, University of Central Lancashire*.

